

## BANK ISLAM UMUM PERUBAHAN KEPADA LEMBAGA PENGARAH DAN LANTIK AHLI MAJLIS PENGAWASAN SYARIAH BAHARU

**KUALA LUMPUR, Jumaat, [29 Disember 2023]:** Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Bank) telah mengumumkan perubahan kepada komposisi Lembaga Pengarah dan pelantikan ahli baharu Majlis Pengawasan Syariah. Tuan Syed Hamadah Syed Othman akan dilantik sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif manakala Profesor Madya Dr Nurul Aini Muhammed pula akan menyertai Majlis Pengawasan Syariah berkuat kuasa 1 Januari 2024.

Sementara itu, Datuk Bazlan Osman akan menggantikan Encik Azizan Ahmad yang akan bersara daripada jawatan Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif pada 2 Januari 2024.

Pelantikan Tuan Syed Hamadah akan mengukuhkan lagi komposisi Pengarah Kumpulan dalam peranannya untuk memacu strategi lima tahun pelan perniagaan (LEAP25). Ia bertujuan menjadikan Bank Islam sebagai peneraju penyelesaian kewangan lengkap patuh Syariah dalam alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG), dengan kepimpinan dalam perbankan digital dan kewangan sosial.

Tuan Syed Hamadah kini merupakan Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Haji, ahli Lembaga Pengarah Private Pension Administrator Malaysia, TH Plantations Berhad dan TH Properties Sdn Bhd. Beliau juga merupakan Pengarah dan Rakan Kongsi Kanan di Actuarial Partners Consulting Sdn Bhd.

Beliau pernah bertugas sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) [KWAP], penasihat aktuari di Mercer Zainal Consulting Sdn Bhd dan penganalisis teknikal di Petronas Trading Corporation Sdn Bhd.

Tuan Syed Hamadah mendapat Scottish Higher Education Certification dari Clydebank College United Kingdom (UK). Beliau adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains, Matematik Aktuari dan Statistik, Universiti Heriot Watt, Edinburgh, UK. Beliau juga adalah Felo Fakulti dan Institut Aktuari, United Kingdom dan Persatuan Aktuari Malaysia.

Profesor Madya Dr Nurul Aini kini bertugas sebagai Profesor Madya di Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), ahli Jawatankuasa Syariah Great Eastern Takaful Berhad, Wakaf Felda dan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK). Beliau juga merupakan ahli aktif Persatuan Muamalat Malaysia (MMA) dan Persatuan Penasihat Syariah dalam Kewangan Islam (ASAS).

Pengalaman luas beliau meliputi peranan terdahulu sebagai Timbalan Pengarah Pusat Wakaf dan Zakat USIM, ahli Jawatankuasa Syariah BNP Paribas Malaysia Berhad, Hong Leong Islamic Bank Berhad dan Hong Leong MSIG Takaful.

Profesor Madya Dr Nurul Aini berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Syariah dari Universiti Malaya, Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan Ijazah Sarjana Latihan Kewangan Islam dari INCEIF. Beliau juga memegang Ijazah Kedoktoran Pengurusan dan Perniagaan dari Universiti South Australia.

Pengerusi Bank Islam, Tan Sri Dr Ismail Haji Bakar berkata, “Mewakili Lembaga Pengarah, saya mengucapkan tahniah dan mengalu-alukan Tuan Syed Hamadah dan Profesor Madya Dr Nurul Aini ke Kumpulan Bank Islam. Bersandarkan pengalaman dan ilmu yang dimiliki, kami mengharapkan sokongan dan bimbingan mereka untuk mengembangkan perniagaan serta membawa Bank ke tahap yang lebih tinggi.”

Beliau turut merakamkan setinggi-tinggi perhargaan kepada Encik Azizan atas sumbangannya kepada pertumbuhan Bank Islam sejak enam tahun yang lalu. “Kami amat menghargai kepimpinan, wawasan dan dedikasi Encik Azizan dalam memacu kejayaan Bank.”

Encik Azizan telah menyertai Bank Islam sebagai Pengarah pada 2 Januari 2018. Sepanjang perkhidmatannya dengan Kumpulan, Encik Azizan telah memainkan pelbagai peranan dalam Lembaga Pengarah termasuk sebagai Pengerusi Lembaga, Jawatankuasa Risiko dan Pengerusi Lembaga, Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan serta Ahli Jawatankuasa Lembaga, Semakan Pembiayaan.

**Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)])**

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sdn Bhd. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

**Untuk maklumat lanjut, sila emel ke:** [media@bankislam.com.my](mailto:media@bankislam.com.my)